

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 AUGUST 2016

Dr Mahathir mohon maaf secara terbuka

➔ Bekas PM dakwa pindaan tak meliputi semua undang-undang

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad memohon maaf secara terbuka berhubung tindakan beliau membuat pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri.

Beliau mengakui tindakannya itu menyebabkan kelulusan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak diperlukan untuk suatu Akta Parlimen dijadikan sebagai undang-undang.

Disebabkan tindakan itu juga,

beliau mendakwa Akta Majlis Keselamatan Negara boleh dikuatkuasakan tanpa persetujuan dan tandatangan daripada Yang di-Pertuan Agong.

Permohonan penuh ikhlas

“Saya dengan penuh ikhlas memohon maaf kerana membuat pindaan tersebut yang terbuka kepada tafsiran berbeza. Pindaan itu (bagaimanapun) tidak melucutkan lebih 30 perkara lain di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong,” katanya di dalam entri terbaru di blognya, Chedet.cc, kelmarin.

Dr Mahathir berkata, pindaan itu, bagaimanapun tidak meliputi semua undang-undang dan masih ada beberapa undang-undang yang diluluskan Parlimen perlu

mendapat tandatangan Yang di-Pertuan Agong.

Katanya, lebih 30 prosiding dalam Perlembagaan yang memerlukan persetujuan Yang di-Pertuan Agong tanpa mendapatkan nasihat Perdana Menteri termasuk mengisytiharkan darurat, keistimewaan yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong memandangkan implikasinya amat serius.

“Pindaan kepada Perlembagaan yang menyebabkan persetujuan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak lagi diperlukan bukanlah menyeluruh. Persetujuan dan tandatangan itu masih lagi diperlukan jika akta dicadangkan menyentuh kuasa serta kedudukan Yang di-Pertuan Agong,” katanya.



Saya dengan penuh ikhlas memohon maaf kerana membuat pindaan tersebut yang terbuka kepada tafsiran berbeza. Pindaan itu (bagaimanapun) tidak melucutkan lebih 30 perkara lain di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong”

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

BH - 27/8/2016